

# Empangan masih penuh

METRO 8/2

**K**UALA LUMPUR: Enam empangan utama dengan kapasiti 493,280 juta liter air masih mampu menyediakan bekalan kepada 7.1 juta penduduk di sekitar Lembah Klang sekiranya kesan fenomena El-Nino berlarutan sehingga September, menurut Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (Syabas).

“Sehingga 22 Januari lalu, kapasiti air di Empangan Sungai Selangor, Empangan Sungai Tinggi, Empangan Sungai Semenyih, Empangan Sungai Langat, Empangan Klang Gates dan Empangan Sungai Batu dalam keadaan penuh,” kata Pengerusi Eksekutif Syabas, Tan Sri Rozali Ismail dalam kenyataan semalam.

Sebarang aduan mengenai bekalan air boleh disalurkan kepada Syabas melalui Pusat Perkhidmatan Pelanggannya di talian bebas tol 1-800-88-5252 yang beroperasi 24 jam atau dengan SMS ke nombor 39222. - Bernama